



LAPORAN / TINDAKAN PERKARA BERBANGKIT
MESYUARAT JAWATANKUASA AKADEMIK PENGAJIAN SISWAZAH UNIVERSITI (JAPSU)

BIL 5-2020/2021

TARIKH : 23 FEB 2021 (ISNIN)
MASA : 9.00 PAGI
TEMPAT : SECARA DALAM TALIAN (Webex)

RUJUKAN	PERKARA	PIHAK BERTANGGUNGJAWAB	LAPORAN / TINDAKAN
1.0	ALUAN Pengerusi		
1.3	1.3.1 Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Semester II Sesi 2020/2021 Pengerusi meminta setiap fakulti mengambil tindakan untuk memuatnaik senarai nama kursus yang akan ditawarkan, jadual dan kaedah PdP untuk semester depan. Kaedah PdP itu perlu juga dipaparkan di applikasi UTM Smart pelajar. Pelajar akan mula mendaftar dan pelajar perlu mengetahui jadual penawaran kursus mereka. Ada sesetengah fakulti yang akan mengadakan PdP sepenuhnya secara dalam talian. Sekiranya setiap kursus sudah mempunyai <i>link webex</i> yang digunakan oleh pensyarah mohon untuk meletakkan link tersebut.	Tindakan : Semua Fakulti	Berupa peringatan kepada fakulti untuk tindakan bersama bagi melancarkan proses penawaran dan pelaksanaan kursus di peringkat fakulti.
	1.3.2 Tarikh Akhir Menghantar Tesis Pengerusi memaklumkan bahawa tarikh akhir penghantaran tesis adalah pada 11 Mac 2021. Setakat ini masih tidak pasti samada masih ada rayuan dari fakulti untuk pelajar mereka kerana di dalam mesyuarat JKTS yang lepas terdapat 6 kes yang memohon lanjutan hantar tesis atau lanjutan 1 semester. Fakulti perlu ambil maklum dan tindakan untuk		Berdasarkan Mesyuarat JKTS P&P pada 8 dan 9 Mac 2021, mesyuarat telah memutuskan perkara berikut: 1) Semua pelajar pascasiswazah(PG) yang berada pada semester

	membawa kes-kes pelajar yang berada di semester maksimum yang mempunyai masalah berkaitan covid-19 ke mesyuarat JKTS. Encik Asram (Fakulti Kejuruteraan) memohon kepastian berkenaan lanjutan penghantaran tesis yang dibenarkan samada ianya diberikan lanjutan tempoh satu semester pada sem II sesi 2020/2021 ini atau memadai hanya memanjangkan tempoh penghantaran tesis sahaja. Mesyuarat bersetuju untuk permohonan tersebut boleh dipertimbangkan dan dibawa serta tertakhluk kepada keputusan mesyuarat JKTS. Pengerusi mencadangkan agar mengikut amalan dan praktis sedia ada iaitu pelajar di semester maksimum perlu menghantar tesis dalam apa jua bentuk selewatnya pada 11 Mac 2021 dan fakulti perlu menentukan samada pelajar tersebut layak untuk memohon pelanjutan dengan berdasarkan kepada perkembangan tesis dan ketulenan alasan yang diberikan adalah berkaitan dengan covid-19. Adalah diingatkan, alasan yang diterima hanya jika ia sememangnya terkesan akibat covid-19 (<i>genuine case</i>). Semua permohonan rayuan akan diberi pertimbangan dan ditentukan kelulusannya oleh JKTS.	Tindakan : Semua Fakulti	maksimum, diwajibkan untuk menghantar tesis (tidak kira apa jua status/perkembangan tesis tersebut) pada 11 Mac 2021. 2) Pihak fakulti perlu menyemak tesis pelajar berkenaan dan memberikan tempoh sehingga 18 Mac 2021 kepada pelajar jika masih perlukan masa untuk tujuan <i>formatting/last minute editing</i>. 3) Tesis pelajar-pelajar yang didapati tidak lengkap untuk dihantar pada 18 Mac 2021 ini perlu ditentukan sama ada pelajar tersebut akan diberi keputusan gagal atau diberi perlanjutan satu semester berdasarkan pengesahan daripada penyelia dan fakulti. 4) Perlanjutan hanya boleh diberikan jika pelajar memang menghadapi masalah (<i>genuine case</i>) yang tidak dapat dielakkan disebabkan pandemik covid-19. Iaitu tertakluk hanya kepada alasan/masalah yang kukuh yang ada kaitannya dengan pandemik covid-19. Permohonan pelajar hendaklah disokong dengan bukti-bukti yang kukuh
--	--	--	---

			5) Senarai nama pelajar yang benar-benar disahkan terjejas dan disokong oleh fakulti untuk mendapat perlanjutan semester hendaklah fakulti majukan kepada pihak SPS 6) SPS telah menerima senarai nama dan butiran pelajar yang memohon pada 21 Mac 2021 dan permohonan ini akan dibawa ke JKTS(P&P) KHAS pada 24 MAC 2021 melalui satu kertas kerja khas untuk pelanjutan satu semester lagi iaitu pada semester II 2020/2021 untuk mereka melengkapkan tesis. Jika diluluskan, pelajar akan diberikan kod C1 (tempoh pengajian yang tidak dikira dan yuran tidak akan dikenakan untuk semester II 2020/2021).
2.0	STATUS SEMAKAN KURIKULUM PROGRAM PASCASISWAZAH		
	2.7 Terdapat beberapa isu program kesilapan di skrol pelajar. Nama program yang didaftarkan tidak sama dengan penganugerahan di skrol pelajar. Isunya adalah sekiranya kesilapan di skrol tidak mengganggu proses pendaftaran borang D maka boleh dihantar ke MQA untuk pendaftaran MQR. Masalah utama adalah di Sekolah Kejuruteraan Mekanikal di mana program Sarjana Kejuruteraan (Teknologi Marin) program ini belum didaftarkan di MQR. Oleh kerana skrol adalah salah maka tiada skrol yang boleh dihantar ke	Tindakan : Semua Fakulti	Tindakan sedang dilaksanakan oleh pihak Qrim dengan penyelarasan bersama dengan pihak SPS dan fakulti yang terlibat.

	MQA bagi mengesahkan pelajar mendapat skrol yang diluluskan oleh JPT. Langkah seterusnya adalah akan ada mesyuarat bersama pihak QRIM untuk membincangkan langkah seterusnya. Satu kertas kerja akan dibuat bagi pembetulan nama penganugerahan di dalam skrol pelajar dan maklumat ini perlu dibawa kelulusannya sehingga ke Senat bagi memastikan pelajar menerima skrol nama yang berbeza tetapi adalah program yang sama diakreditasi. Untuk makluman ahli mesyuarat, penganugerahan perlulah sama seperti yang nama program yang didaftarkan. Mohon fakulti yang mempunyai masalah hendaklah memaklumkan kepada pihak SPS untuk melihat surat kelulusan dan kertas kerja program tersebut.		
4.0	PERKARA BERBANGKIT		
	4.1 Perkara 14.2 Sijil Joint Degree Keputusan peperiksaan pelajar telah diperakukan dalam Mesyuarat JKTS P&P pada 18 Februari 2021 lalu dan akan dibawa untuk kelulusan Mesyuarat Senat pada 24 Februari 2021. Sijil pelajar akan dijana selepas Mesyuarat Senat.	Tindakan : MJIIT dan AMD	SELESAI
5.0	LAPORAN BAHAGIAN REKRUTMEN & PENGAMBILA MAHASISWA (SRAD)		
	5.2.4 Beberapa persediaan pelajar baharu oleh pihak fakulti/ sekolah perlu dibuat seperti yang telah diemalkan kepada fakulti / sekolah untuk menyediakan jadual, agenda dan pautan sesi taklimat pelajar baharu secara dalam talian. Pihak SRAD akan berkongsi maklumat-maklumat kepada pelajar baharu di dalam satu kit pendaftaran di laman web	Tindakan : Semua Fakulti	SELESAI

	pendaftaran. Terdapat beberapa fakulti yang belum menghantar maklumat tersebut hendaklah berbuat dalam minggu ini. Fakulti / sekolah juga diminta untuk menyediakan maklumat fakulti untuk dihubungi iaitu nombor telefon, email dan laman web untuk rujukan pelajar. Fakulti/ sekolah juga diminta mengemaskini maklumat di laman web masing-masing. Satu panduan (kit pendaftaran) pelajar baharu juga perlu disediakan oleh fakulti/ sekolah dan dikemaskini di laman web masing-masing bagi memudahkan fakulti dan pelajar-pelajar baharu. Selain itu, fakulti/ sekolah juga perlu menyediakan senarai dan jadual kursus methodologi dan kursus elektif di laman web masing-masing. 5.2.5 Pn Najwa juga memohon agar pihak AMD untuk melihat semula syarat pengeluaran surat Senat kerana terdapat isu pelajar telah pun mendapat kelulusan Senat dan ingin mendaftar ke pengajian seterusnya tetapi hasil semakan masih lagi mempunyai hutang tertunggak.	Tindakan : AMD	Dalam Tindakan AMD
7.0	PERAKUAN PELANTIKAN PEMERIKSA TESIS PELAJAR DOKTOR FALSAFAH (PhD) - NOTIS HANTAR TESIS (NHT) Pengerusi telah membentangkan cadangan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah untuk setiap fakulti berdasarkan perakuan dari JKAF masing-masing dan memperbetulkan sedikit pindaan dan seterusnya mesyuarat bersetuju dengan senarai untuk semua perlantikan yang diluluskan di bawah perenggan/perkara 7.0 pada minit mesyuarat ini.	Tindakan : SPS & Fakulti	Kesemua pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah (PhD) yang dipersetujui dan diluluskan pada mesyuarat ini telah diambil tindakan untuk pengeluaran surat lantikan oleh pihak SPS.

8.0	PELANTIKAN PEMERIKSA TESIS PELAJAR SARJANA (MSc) – NOTIS HANTAR TESIS (NHT) Pengerusi telah membentangkan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Sarjana untuk setiap fakulti berdasarkan perakuan dari JKAF dan seterusnya mesyuarat bersetuju dengan senarai untuk semua perlantikan yang diluluskan di bawah perenggan/perkara 8.0 pada minit mesyuarat ini.	Tindakan : Fakulti Terlibat	Kesemua perlantikan pemeriksa tesis pelajar Sarjana telah dan sedang dalam tindakan oleh pihak fakulti.
9.0 10.0 11.0 12.0 13.0 14.0	PERMOHONAN PELANJUTAN NOTIS HANTAR TESIS PERMOHONAN PELANJUTAN NOTIS HANTAR TESIS DAN PELANTIKAN PANEL PEMERIKSA / PENERUSI BAHARU PERMOHONAN PELANTIKAN PANEL PEMERIKSA/PEMERIKSA LUAR/PENERUSI /PEMBANTU PENERUSI BAHARU PERMOHONAN PELANJUTAN TEMPOH PEMBETULAN TESIS PERMOHONAN PELANJUTAN TESIS BERJILID PENGECUALIAN/PENGURANGAN YURAN PELAJARAN BAGI STAF, PASANGAN STAF DAN ANAK STAF UTM	Tindakan : SPS & Fakulti	SELESAI